



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**PROGRAM LAWATAN KERJA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA
KE KAWASAN RUKUN TETANGGA TAMAN PANDAN MEWAH,
AMPANG, SELANGOR DAN BANDAR PUTERI BANGI BAGI
PENYERAHAN BANTUAN
KOTAK MITRA**

4 September 2021, Ampang – YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique hari ini telah mengadakan lawatan kerja ke Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Pandan Mewah, Ampang. Lawatan kerja ini turut dihadiri oleh Datuk Indera Noridah binti Abdul Rahim, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Pegawai-pegawai Kanan KPN, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

2. Lawatan ke Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Pandan Mewah oleh YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique adalah untuk menyemarakkan proses pendayaupayaan masyarakat (*community empowerment*) dalam kalangan warga Rukun Tetangga. Lawatan itu turut mengiktiraf sumbangan dan komitmen warga Rukun Tetangga Taman Pandan Mewah dalam memajukan dan meningkatkan kesejahteraan komunitinya sehingga melayakkan KRT Taman Pandan Mewah dianugerahkan Johan Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2021 di samping menjadi Johan dalam kategori Pengurusan KRT Terbaik dan Pengurusan Jiran Wanita terbaik.

3. Dalam lawatan kerja ini, YB Menteri telah mengadakan tinjauan ke Kebun Komuniti yang merupakan salah satu inisiatif KRT Taman Pandan Mewah dalam mempertingkatkan kesejahteraan hidup masyarakat khususnya semasa tempoh pandemik Covid-19 ini. Seterusnya YB Menteri telah menyampaikan Kotak MITRA masyarakat India B40 dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Pandan Mewah, Ampang Jaya, Selangor bagi meringankan beban dan mengurangkan kos sara hidup mereka semasa pandemik Covid-19 ini.

4. YB Menteri berharap agar KRT Taman Pandan Mewah dapat meneruskan kecemerlangannya dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik komuniti. YB Menteri turut menzahirkan rasa bangga dengan pencapaian KRT ini dan berharap agar KRT ini dijadikan sebagai model atau rujukan kepada KRT-KRT yang lain dalam menguruskan komuniti masing-masing.

5. Dalam hari yang sama, YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, telah menyerahkan sebanyak 300 'Kotak MITRA 2021' kepada masyarakat India B40 dalam kawasan Parlimen Hulu Langat yang turut dihadiri YBhg. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz.

6. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique menjelaskan bahawa di bawah program "Kotak MITRA 2021" ini Kementerian Perpaduan Negara telah memperuntukkan sebanyak RM12,412,344 bagi menyediakan 73,883 kotak makanan yang akan memanfaatkan 73,883 keluarga masyarakat India B40 di seluruh negara.

7. Kotak makanan ini akan disalurkan secara berperingkat kepada masyarakat India B40 melalui pemimpin-pemimpin tempatan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta penyerahan secara terus oleh MITRA kepada kumpulan sasar. Program ini telah bermula pada 14 Ogos 2021 dan dijangka selesai sebelum 31 Disember 2021. Program pada hari ini menumpukan kepada kumpulan sasar dalam kalangan masyarakat India B40 dalam Kawasan Rukun Tetangga dan kawasan perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah termasuk di Program Perumahan Rakyat (PPR).

8. Beliau berharap Kotak MITRA 2021 ini akan dapat meringankan sedikit beban keluarga yang terjejas sumber pendapatan akibat pandemik COVID-19. Menurut beliau lagi, Kementerian Perpaduan Negara melalui MITRA akan terus bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin tempatan untuk mengenal pasti kumpulan sasar yang terjejas dan memerlukan bantuan.

Kementerian Perpaduan Negara

4 September 2021

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Sejak ditubuhkan 15 tahun yang lalu, KRT Taman Pandan Mewah telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti selaras dengan matlamat penubuhannya iaitu untuk meningkatkan keharmonian, keselamatan dan kesejahteraan masyarakat. KRT ini juga mempunyai jaringan strategik yang kukuh dengan pelbagai pihak.

KRT Taman Pandan Mewah telah ditubuhkan pada 26 Disember 2007 dan berada dalam Kawasan Parlimen Pandan (P100) dan DUN Teratai (N22) serta di bawah pengurusan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). KRT ini mempunyai kepadatan penduduk seramai 20,000 ribu orang yang terdiri daripada pelbagai kaum, etnik, peringkat umur, latar belakang pendidikan dan juga pekerjaan.

Antara pencapaian tertinggi KRT ini adalah dianugerahkan sebagai KRT Terbaik peringkat Negeri Selangor, SRS Terbaik Negeri Selangor, Kejiranan Terbaik Ampang Jaya 2014, 2016, 2018, 2020, Johan Pertandingan Landskap kategori Perumahan Kos Sederhana, Johan Pertandingan Kebun Komuniti Peringkat Kebangsaan dan banyak lagi. Berteraskan tema "Bukan mudah, tapi kami cuba" KRT Taman Pandan Mewah merupakan tunjang atau nadi serta jambatan bagi penduduk di kejiranan ini.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (84)